



TERMA DAN SYARAT KEMPEN GABUNGAN BSN TERM DEPOSIT-i (BSN TD-i) DENGAN BSN SSP
TERMS AND CONDITIONS BSN TERM DEPOSIT-i (BSN TD-i) BUNDLE WITH BSN SSP CAMPAIGN

TEMPOH KEMPEN / CAMPAIGN PERIOD

1. **Kempen Gabungan BSN Term Deposit-i (BSN TD-i) Dengan BSN SSP (Tawarruq) (“Kempen”)** dianjurkan oleh Bank Simpanan Nasional (BSN) bermula dari **01 April 2026 sehingga 30 Jun 2026 (“Tempoh Kempen”)**, melainkan dimaklumkan sebaliknya oleh BSN dari semasa ke semasa.
The BSN Term Deposit-i (BSN TD-i) Bundle with BSN SSP (Tawarruq) (“Campaign”) is organized by Bank Simpanan Nasional (BSN) commencing from 01 April 2026 until 30 June 2026 (“Campaign Period”), unless notified otherwise by BSN from time to time.
2. BSN merizabkan hak untuk meminda Tempoh Kempen tertakluk kepada peruntukan di dalam Klausa 39 Terma dan Syarat ini.
BSN reserves the right to vary the Campaign Period, subject to the provisions in Clause 39 of these Terms and Conditions.
3. Penyertaan yang tidak lengkap, tidak sah atau diterima selepas Tempoh Kempen akan dibatalkan secara automatik.
Incomplete, invalid or late applications received after the Campaign Period will be automatically disqualified.

KELAYAKAN / ELIGIBILITY

4. Kempen ini terbuka kepada semua pelanggan individu baharu dan sedia ada BSN berumur dua belas (12) tahun dan ke atas dengan akaun BSN TD-i dan BSN SSP (Tawarruq) yang melakukan peletakan Dana Baharu atau Dana Peletakan Semula sepertimana ditafsirkan di bawah Klausa 5 dan Klausa 7 (**“Pelanggan yang Layak”**).
This Campaign is open to all new and existing BSN individual customer aged twelve (12) years old and above with BSN TD-i and BSN SSP (Tawarruq) accounts who make the placement of New Funds or Rollover Funds as defined under Clauses 3 and 5 (“Eligible Customer”).
5. Dana baharu (“Dana Baharu”) ditakrifkan sebagai:
New funds (“New Funds”) are defined as:
 - a) Dana pindahan daripada bank-bank lain melalui ‘Financial Process Exchanges’ (“FPX”), DuitNow, Pindahan Segera, GIRO antara bank, pindahan telegraf, cek tempatan atau cek jurubank;
Funds which are transferred from other banks via Financial Process Exchanges (“FPX”), DuitNow, Instant Transfer, interbank GIRO, telegraphic transfer, local cheque or banker’s cheque;
 - b) Hasil daripada penebusan ekuiti, dana unit amanah, bon dan/atau sukuk semasa Tempoh Kempen; dan
Proceeds arising from the redemption of equity, unit trust funds, bonds and/or sukuk during the Campaign Period; and
 - c) Tunai daripada sumber luar selain daripada BSN.
Cash from external sources other than from BSN.
6. Yang berikut tidak boleh dianggap sebagai **Dana Baharu**:
The following shall not be considered as New Funds:



TERMA DAN SYARAT KEMPEN GABUNGAN BSN TERM DEPOSIT-i (BSN TD-i) DENGAN BSN SSP
TERMS AND CONDITIONS BSN TERM DEPOSIT-i (BSN TD-i) BUNDLE WITH BSN SSP CAMPAIGN

- a) Dana dari BSN TD-i sedia ada yang matang dalam Tempoh Kempen atau dana dari penebusan awal BSN TD-i sedia ada (tanpa sebarang penambahan dana sepertimana dinyatakan di Klausula 12 di bawah);
Fund from existing BSN TD-i which becomes matured within the Campaign Period or the fund from early redemption of existing BSN TD-i (without any additional fund as specified under Clause 12 below);
- b) Pindahan dana dari akaun simpanan (“BSN GIRO/-i”) atau akaun semasa (“BSN GIRO/-i Premium”) sedia ada; dan
Intra bank transfer of funds from existing savings account (“BSN GIRO/-i”) or current account (“BSN GIRO/-i Premium”); and
- c) Pindahan dari akaun BSN SSP (Mudarabah) dan BSN SSP (Tawarruq) sedia ada.
Transfer fund from existing BSN SSP (Mudarabah) and BSN SSP (Tawarruq).
7. Dana peletakan semula (“**Dana Peletakan Semula**”) boleh diterima pakai dalam Kempen ini dengan syarat Pelanggan yang Layak perlu menambah jumlah minimum sepertimana dinyatakan di Klausula 12 ke atas Dana Peletakan Semula tersebut.
Rollover funds (“Rollover Funds”) is acceptable provided that the Eligible Customer shall top up a minimum amount as specified in Clause 12 onto Rollover Funds.
8. Dimana terpakai, semua **Dana Baharu** dan **Dana Peletakan Semula** yang diletakkan dan didepositkan dalam akaun BSN GIRO/-i atau BSN GIRO/-i Premium hendaklah diletakkan dan didepositkan ke dalam akaun BSN GIRO/-i atau BSN GIRO/-i Premium tersebut dalam masa tujuh (7) hari dari tempoh ketersediaan Dana Baharu dan Dana Peletakan Semula tersebut bagi layak untuk menyertai Kempen ini.
Where applicable, all New Funds and Rollover Funds which are placed and deposited into BSN GIRO/-i or BSN GIRO/-i Premium account shall be placed and deposited in the said BSN GIRO/-i or BSN GIRO/-i Premium account within seven (7) days from the availability of the New Funds and Rollover Funds to be eligible to participate in the Campaign.

KONTRAK SYARIAH / SHARIAH CONTRACT

9. Urusniaga dalam Kempen ini dikendalikan mengikut Konsep Syariah Tawarruq (Murabahah Komoditi):
The transactions in this Campaign is operated pursuant to the Shariah Concept of Tawarruq (Commodity Murabahah):
- a) *Tawarruq (Murabahah Komoditi) adalah konsep yang melibatkan dua kontrak jual beli secara tangguh. Kontrak pertama melibatkan penjualan aset oleh penjual kepada pembeli. Seterusnya, pembeli bagi urusan penjualan yang pertama akan menjual aset yang sama kepada pihak ketiga secara tunai dan serta merta. Tawarruq (Commodity Murabahah) consists of two sales and purchase contracts. The first involves the sale of an asset by a seller to a purchaser on a deferred basis. Subsequently, the purchaser of the first sale will sell the same asset to a third party on a cash and spot basis.*
- b) Wakalah (Kontrak Perwakilan) dengan menggunakan struktur ‘dwi wakalah yang merangkumi:
Wakalah (Agency Contract) which adopts a ‘dual – agency’ arrangement which involves the followings:



TERMA DAN SYARAT KEMPEN GABUNGAN BSN TERM DEPOSIT-i (BSN TD-i) DENGAN BSN SSP
TERMS AND CONDITIONS BSN TERM DEPOSIT-i (BSN TD-i) BUNDLE WITH BSN SSP CAMPAIGN

- i) Pelantikan BSN sebagai wakil Pelanggan yang Layak untuk membeli komoditi daripada pihak ketiga.
The appointment of the BSN who act as an agent on behalf of the Eligible Customer to buy the commodity from a third party.
- ii) Pelantikan BSN sebagai wakil Pelanggan yang Layak untuk menyempurnakan penjualan komoditi secara Murabahah kepada BSN.
The appointment of the BSN who act as an agent on behalf of the Eligible Customer to conclude the selling of the commodity to BSN on Murabahah basis.
10. Pelanggan yang Layak mengakui, walaupun Komoditi yang terlibat di dalam transaksi Komoditi Tawarruq boleh dihantar secara fizikal, Pelanggan yang Layak bersetuju bahawa penghantaran Komoditi secara fizikal ini tidak akan dilaksanakan. Namun sekiranya, Pelanggan yang Layak berhasrat untuk mengambil milikan fizikal Komoditi tersebut, Pelanggan yang Layak perlu mengambil milikan fizikal tersebut mengikut cara yang bersesuaian dengan kos yang ditanggung olehnya sendiri.
The Eligible Customer acknowledges that although the Commodity involved in the Tawarruq Trading Transaction is capable of being physically delivered, the Eligible Customer agrees that physical delivery of the Commodity will not be executed. However, if the Eligible Customer wants to take over the possession of the Commodity, the Eligible Customer must take over that ownership in the suitable manner and using the Eligible Customer's own cost.
11. Pelanggan yang Layak mempunyai hak untuk memohon dan mengambil fizikal dan penyerahan Komoditi tertakluk kepada syarat-syarat minimum dan mematuhi terma dan syarat yang telah ditetapkan oleh penyedia Platform Komoditi. Permintaan bagi penyerahan Komoditi boleh dilakukan di mana-mana cawangan BSN pada waktu urusniaga perbankan dan/atau di kaunter promosi BSN. Urusan penyerahan di antara Pelanggan yang Layak dan Platform Komoditi adalah ditanggung sendiri oleh Pelanggan yang Layak.
The Eligible Customer has right to request and take physical possession and delivery of the Commodity subject to minimum requirements and comply with terms and conditions of the Commodity Platform provider. Request for the delivery of Commodity can be done at any BSN's branches during normal business hours and/or at BSN promotion counters. The delivery arrangement is to be made between the Eligible Customer and Commodity Platform at the Eligible Customer's own costs.

MEKANISME KEMPEN / CAMPAIGN MECHANISME

12. Jumlah peletakan minimum adalah seperti yang dinyatakan dalam jadual di bawah:
The minimum placement is set out in the table below:

Jenis Dana <i>Type of Fund</i>	Nilai Peletakan Minimum <i>Minimum Placement Amount</i>
Dana Baharu <i>New Funds</i>	RM5,000.00
Dana Peletakan Semula <i>Rollover Funds</i>	Perlu menambah jumlah minimum sebanyak RM5,000.00 Dana Baharu di samping Dana Peletakan Semula <i>Top up minimum of RM 5,000.00 in New Funds on top of the Rollover Funds</i>



TERMA DAN SYARAT KEMPEN GABUNGAN BSN TERM DEPOSIT-i (BSN TD-i) DENGAN BSN SSP
TERMS AND CONDITIONS BSN TERM DEPOSIT-i (BSN TD-i) BUNDLE WITH BSN SSP CAMPAIGN

13. Promosi ini hanya terbuka untuk peletakan yang dibuat **di mana-mana kaunter cawangan BSN atau kaunter promosi BSN** di Malaysia sepanjang Tempoh Kempen.
This Promotion is only available to the placements made at any BSN branch counter or at the BSN promotion counter in Malaysia throughout the Campaign Period.
14. Pelanggan yang Layak boleh menikmati keuntungan BSN TD-i pada Kadar Promosi yang dinyatakan di jadual di bawah selama enam (6) bulan apabila mereka menyertai Kempen ini. Bagi tujuan tersebut, Kedua-dua akaun BSN TD-i dan BSN SSP (Tawarruq) Pelanggan yang Layak akan dikekalkan ('earmarked') oleh BSN selama enam (6) bulan.
The Eligible Customer will enjoy BSN TD-i profit at the Promotional Rate set out in table below for six (6) months when they participate in this Campaign. For the said purpose, the Eligible Customer's BSN TD-i and BSN SSP (Tawarruq) accounts will be earmarked by BSN for six (6) months.

Tempoh ¹ Tenure ¹	Kadar Promosi ² Promotional Rate ²		Nisbah Peletakan Placement Ratio	Kadar Efektif Effective Rate
	BSN TD-i	BSN SSP (Tawarruq)		
6 bulan 6 months	5.15% Setahun / per annum	0.01% Setahun / per annum	BSN TD-i:BSN SSP 70%:30%	3.61% Setahun / per annum

¹Tempoh yang dinyatakan adalah merujuk kepada tempoh deposit BSN TD-i dan/atau tempoh pegangan BSN SSP (Tawarruq) yang layak menikmati kadar promosi yang tertera. Tarikh akhir Tempoh tersebut akan dirujuk selepas ini sebagai "Tarikh Matang" bagi BSN TD-i dan BSN SSP (Tawarruq) Pelanggan yang Layak.

¹The specified Tenure refers to the tenure of BSN TD-i and/or the holding period of BSN SSP (Tawarruq) that is eligible to enjoy the specified promotional rate. The last day of the Tenure shall hereinafter be referred to as the "Maturity Date" for the Eligible Customer's BSN TD-i and BSN SSP (Tawarruq).

²Kadar Promosi adalah tertakluk pada Kadar Dasar Semalaman (OPR) semasa. Sekiranya terdapat perubahan pada OPR, BSN berhak untuk meminda Kadar Promosi. Sebarang pertukaran adalah tertakluk pada Klausula 39 Terma dan Syarat ini.

²Promotional Rate is subject to current Overnight Policy Rate (OPR). Should there be changes in the OPR, BSN reserves the right to amend the Promotional Rate. Any changes are subject to Clause 39 of these Terms and Conditions.

15. Deposit dan peletakan BSN TD-i dan BSN SSP (Tawarruq) hendaklah dibuat secara serentak semasa Tempoh Kempen.
Deposits and placements of BSN TD-i and BSN SSP (Tawarruq) shall be made concurrently during the Campaign Period.
16. Bagi BSN SSP (Tawarruq), peletakan hendaklah dilakukan dalam satu transaksi tunggal (satu sijil).
For BSN SSP (Tawarruq), the placement must be made in a single transaction (one certificate).



**TERMA DAN SYARAT KEMPEN GABUNGAN BSN TERM
DEPOSIT-i (BSN TD-i) DENGAN BSN SSP
TERMS AND CONDITIONS BSN TERM DEPOSIT-i (BSN TD-i) BUNDLE
WITH BSN SSP CAMPAIGN**

17. Penebusan awal
Early redemption

- a) Penebusan jumlah penuh atau mana-mana bahagian daripada jumlah gabungan daripada BSN TD-i dan BSN SSP (Tawarruq) (termasuk keuntungan, jika ada) sebelum tamat Tempoh (yang dinyatakan di bawah Klausula 14) ("Penebusan Awal") adalah tidak dibenarkan;

Partial redemption of the full amount or any part of the combined amount from the BSN TD-i and BSN SSP (Tawarruq) before the completion of the Tenure (as specified in Clause 14) ("Early Redemption") is not allowed;

- b) Sekiranya Pelanggan yang Layak ingin membuat Penebusan Awal, permohonan hendaklah dibuat kepada BSN, tertakluk kepada terma dan syarat sedia ada bagi penebusan awal BSN TD-i atau BSN SSP (Tawarruq) yang boleh dirujuk di laman BSN di www.bsn.com.my ("Laman Sesawang BSN") yang mana antara lainnya memperuntukkan seperti berikut:

In the event the Eligible Customer wishes to make Early Redemption, application shall be submitted to BSN, subject to the existing terms and conditions on early redemption of BSN TD-i or BSN SSP (Tawarruq) as available on BSN's website at www.bsn.com.my ("BSN's Website") which specify inter alia as follows:

- i) Bagi BSN TD-i, dengan membuat Penebusan Awal, Pelanggan yang Layak mengakui dan bersetuju untuk memberikan rebat (Ibra') dengan melepaskan semua daripada keuntungan yang terkandung dalam harga jualan (jumlah deposit dan keuntungan) yang dipersetujui dan seterusnya bersetuju bahawa tiada keuntungan akan diberikan bagi BSN TD-i sepertimana ditawarkan di dalam Kempen ini (Rujukan: Terma dan Syarat bagi Term Deposit Islamik);

For BSN TD-i, by making Early Redemption, the Eligible Customer acknowledges and agrees to grant a rebate (Ibra') by releasing all of the profit comprised in the agreed selling price (deposit amount plus profit) and further agree that no profit will be given for BSN TD-i as offered under this Campaign (Reference: Terms and Conditions of Islamic Term Deposit);

- ii) Untuk BSN SSP yang ditebus awal iaitu selepas tempoh satu (1) bulan atau lebih dari tarikh peletakan adalah tertakluk kepada terma dan syarat berkenaan pengiraan keuntungan BSN SSP (Mudarabah). Keuntungan ke atasnya akan dikira berdasarkan kepada baki minimum bulanan dan kadar keuntungan indikatif BSN SSP (Mudarabah) yang mana hanya akan dibayar sekiranya peletakan memenuhi sepanjang bulan. Kadar keuntungan indikatif BSN SSP boleh dirujuk di Laman Sesawang BSN (Rujukan: Terma dan Syarat Kempen BSN SSP).

For BSN SSP, BSN SSP that has been redeemed early i.e. after a period of one (1) month or more from the placement date shall subject to the Terms and Conditions on the calculation of profit for BSN SSP (Mudarabah). The profit will be calculated based on minimum monthly balance and BSN SSP's indicative profit rate which will only be paid if the placement fulfils the whole month. The BSN SSP's indicative profit rate can be referred to on BSN's Website (Reference: Terms And Conditions BSN SSP Campaign).



TERMA DAN SYARAT KEMPEN GABUNGAN BSN TERM DEPOSIT-i (BSN TD-i) DENGAN BSN SSP
TERMS AND CONDITIONS BSN TERM DEPOSIT-i (BSN TD-i) BUNDLE WITH BSN SSP CAMPAIGN

18. Pelanggan yang Layak juga boleh menyertai Cabutan BSN SSP dan adalah tertakluk kepada Terma dan Syarat Kempen BSN SSP (Sijil Simpanan Premium).
The Eligible Customer can also participate in the BSN SSP Draw and are subject to the Terms and Conditions of BSN SSP Campaign (Sijil Simpanan Premium).
19. Apabila Tarikh Matang:
Upon the Maturity Date:
- a) Peletakan BSN TD-i Pelanggan yang Layak akan diperbaharui secara automatik pada kadar semasa BSN TD-i enam (6) bulan berdasarkan konsep Tawarruq;
The Eligible Customer's BSN TD-i shall be auto-renewed at the prevailing BSN TD-i six (6) months' board rate based on Tawarruq concept;
- b) Akaun BSN SSP (Tawarruq) Pelanggan yang Layak mempunyai baki kurang daripada RM5,000 akan ditukar kepada BSN SSP biasa berdasarkan kontrak Mudarabah. Manakala akaun BSN SSP (Tawarruq) Pelanggan akan diperbaharui secara automatik pada kadar keuntungan kempen BSN SSP (Tawarruq) selama enam (6) bulan jika mempunyai baki RM5,000 dan keatas. Tertakluk kepada terma dan syarat sedia ada untuk BSN TD-i, BSN SSP (Mudarabah) dan BSN SSP (Tawarruq). Penamaan BSN SSP juga akan ditukar kepada penamaan BSN SSP (Mudarabah) dengan sewajarnya apabila penukaran kepada BSN SSP (sekiranya ada).
The Eligible Customer's BSN SSP account that has a balance less than RM5,000 shall be converted to normal BSN SSP based on Mudarabah contract. Meanwhile, BSN SSP (Tawarruq) accounts with balances of RM5,000 and above shall be auto-renewed at the BSN SSP (Tawarruq) campaign rate for six (6) months. This is subjected to existing terms and conditions for normal BSN SSP (Mudarabah) and BSN SSP (Tawarruq). The nomination for BSN SSP (Tawarruq) would also be converted based on the nomination for BSN SSP (Mudarabah) accordingly upon conversion to BSN SSP (if any).

KEUNTUNGAN / PROFIT

20. Keuntungan yang diperolehi daripada transaksi yang dibuat dalam Kempen ini akan dikreditkan ke dalam akaun simpanan Pelanggan yang Layak yang dibuka dengan BSN.
Profit earned from the transactions performed under this Campaign will be credited to the Eligible Customer's designated savings account maintained with BSN.
21. Pengiraan keuntungan adalah berdasarkan pada baki harian peletakan. Keuntungan akan dikira dan dibayar pada Tarikh Matang.
The calculation of profit is based on the daily placement balance. The profit will be calculated and paid on the Maturity Date.
Jumlah Peletakan x Kadar Keuntungan x *Bilangan Hari Peletakan / 365 (bukan tahun lompat) @ 366 (tahun lompat)
*Total Placement Amount x Profit Rate x *No. of Days of Placement / 365 (non-leap year) @ 366 (leap year)*
(* 'Bilangan Hari Peletakan' adalah merujuk kepada jumlah hari sebenar dalam Tempoh enam (6) bulan deposit BSN TD-i/peletakan BSN SSP (Tawarruq).
(The 'No. of Days of Placement' refers to the actual number of days within the six (6) months' Tenure of BSN TD-i deposit/BSN SSP (Tawarruq) placement.*



TERMA DAN SYARAT KEMPEN GABUNGAN BSN TERM DEPOSIT-i (BSN TD-i) DENGAN BSN SSP
TERMS AND CONDITIONS BSN TERM DEPOSIT-i (BSN TD-i) BUNDLE WITH BSN SSP CAMPAIGN

a) *Ilustrasi / Illustration:*

Pelanggan yang Layak meletakkan sebanyak RM3,500.00 ke dalam Akaun BSN TD- i (kadar keuntungan: 5.15% setahun) dan sebanyak RM1,500.00 akan diperuntukkan ke dalam Akaun BSN SSP (Tawarruq) (kadar keuntungan: 0.01% setahun) selama enam (6) bulan. Oleh itu, Kadar Efektif peletakan di bawah Kempen ini adalah 3.61% setahun.

The Eligible Customer places RM3,500.00 in their BSN TD-i Account (profit rate: 5.15% per annum) and RM1,500.00 shall be earmarked into Eligible Customer's BSN SSP (Tawarruq) Account (profit rate: 0.01% per annum) for six (6) months. Therefore, the overall effective rate is 3.61% per annum.

Tempoh <i>Tenure</i>	Produk <i>Product</i>	Peletakan Minimum (RM) <i>Minimum Placement (RM)</i>	Nisbah Peletakan <i>Placement ratio</i>	Jumlah Peletakan (RM) <i>Placement Amount (RM)</i>	Kadar Keuntungan (setahun) <i>Profit Rate (per annum)</i>	Jumlah Kadar Keuntungan (RM) <i>Total Profit Earned (RM)</i>
6 bulan <i>6 months</i>	BSN TD-i	5,000.00	70%	3,500.00	5.15%	90.13
	BSN SSP (Tawarruq)		30%	1,500.00	0.01%	0.08
Jumlah Keuntungan yang diterima: <i>Total Profit Earned:</i>						90.21

b) Oleh itu **Kadar Efektif** ini adalah dikira seperti berikut:

*Hence, the **Effective Rate** is calculated as follows:*

$$[(RM90.13 + RM0.08) / 5,000] / 6 \text{ bulan} \times 12 \text{ bulan} \times 100 = 3.61\% \text{ setahun.}$$

$$[(RM90.13 + RM0.08) / 5,000] / 6 \text{ months} \times 12 \text{ months} \times 100 = 3.61\% \text{ per annum.}$$

HAK BANK / BANK'S RIGHT

22. BSN mempunyai hak untuk mengubah suai, menggantung atau membatalkan Kempen ini pada bila-bila masa sekiranya ia tidak dapat berjalan seperti yang dirancang atas sebarang sebab termasuk gangguan atau kerosakan teknikal, termasuk tetapi tidak terhad kepada jangkitan virus komputer, pepijat, penggodaman, campur tangan tanpa izin, penipuan, kegagalan teknikal, atau apa-apa sebab di luar kawalan BSN. BSN tidak akan bertanggungjawab atau menerima sebarang liabiliti yang ditanggung oleh Pelanggan yang Layak secara langsung atau tidak langsung yang disebabkan oleh pengubahsuaian, penggantungan atau pembatalan Kempen ini.

BSN reserves the right to modify, suspend or cancel this Campaign in the event that it becomes incapable of running as planned, technically interfered or corrupted, including but not limited to infection by computer virus, bugs, tampering, unauthorised intervention, fraud, technical failures, or any other causes beyond the control of BSN. BSN will not be held responsible or accept any liability incurred by the Eligible Customer(s) directly or indirectly, caused by the modification, suspension or cancellation of this Campaign.

23. BSN berhak, mengikut budi bicara mutlaknyanya, untuk membatalkan penyertaan mana-mana Pelanggan yang Layak yang didapati atau disyaki menyalahgunakan proses Kempen, operasi Kempen ini atau melanggar Terma dan Syarat Kempen. BSN



**TERMA DAN SYARAT KEMPEN GABUNGAN BSN TERM
DEPOSIT-i (BSN TD-i) DENGAN BSN SSP
TERMS AND CONDITIONS BSN TERM DEPOSIT-i (BSN TD-i) BUNDLE
WITH BSN SSP CAMPAIGN**

mempunyai hak untuk mengambil tindakan undang-undang terhadap mana-mana individu yang BSN percayai telah melaksanakan aktiviti penipuan atau lain-lain aktiviti yang memberi kesan buruk kepada Kempen ini dan/atau BSN.

BSN reserves the right, in its sole discretion, to disqualify any Eligible Customer(s) that is found or suspected of tampering with the Campaign's process, the operation of this Campaign or to be in violation of the Terms and Conditions of this Campaign. BSN reserves the right to pursue legal action against any individual it believes has undertaken fraudulent activities or other activities harmful to this Campaign and/or BSN.

LIABILITI DAN TANGGUNGJAWAB / LIABILITY AND RESPONSIBILITY

24. Pelanggan yang Layak adalah bertanggungjawab dan menanggung sepenuhnya sebarang liabiliti, kejadian yang tidak diingini, kecederaan, kerosakan, tuntutan atau kemalangan (termasuk kematian) yang timbul akibat daripada penyertaan Kempen ini.

Eligible Customer shall assume full liability and responsibility in case of any liability, mishap, injury, damage, claim or accidents (including death) resulting from their participation in this Campaign.

25. Sebarang kos yang dikeluarkan untuk menyertai Kempen ini adalah di bawah tanggungjawab penuh Pelanggan yang Layak.

Any expenses incurred to participate in this Campaign is the sole responsibility of the Eligible Customer.

26. BSN juga tidak akan bertanggungjawab terhadap gangguan teknikal seperti penambahbaikan sistem dan sebagainya yang menghalang mana-mana Pelanggan yang Layak daripada menyertai Kempen ini. Ini merujuk kepada gangguan teknikal yang berlaku sama ada di pihak BSN atau di pihak Pelanggan yang Layak, termasuk tetapi tidak terhad kepada masalah sambungan internet, keserasian peranti, atau pembekal rangkaian. Pelanggan yang Layak.

BSN is not responsible for technical problems such as system upgrading or similar circumstances that may prevent any Eligible Customer(s) from participating in this Campaign. This refers to technical disruptions occurring on BSN's side or on the Eligible Customer's side, including but not limited to issues with the Eligible Customer's own internet connection, device compatibility, or network provider.

27. BSN berhak untuk melucutkan kelayakan mana-mana Pelanggan Layak daripada menyertai Kempen ini sekiranya Pelanggan Layak:

BSN reserves the right to disqualify any Eligible Customer(s) from participating in this Campaign if the Eligible Customer(s):

(a) didapati mempunyai status akaun tertunggak (di BSN atau mengikut rekod agensi kredit);

is found to have a delinquent account status (at BSN or according to the credit agency's record);

(b) diisytiharkan muflis atau sedang menjalani prosiding kebangkrupan; atau

is declared bankrupt or is undergoing bankruptcy proceedings; or



TERMA DAN SYARAT KEMPEN GABUNGAN BSN TERM DEPOSIT-i (BSN TD-i) DENGAN BSN SSP
TERMS AND CONDITIONS BSN TERM DEPOSIT-i (BSN TD-i) BUNDLE WITH BSN SSP CAMPAIGN

- (c) gagal mematuhi Terma dan Syarat produk yang berkaitan atau Kempen ini.
fails to comply with the Terms and Conditions of the relevant product or this Campaign

28. Kelucutan hak kelayakan ini boleh dilakukan pada bila-bila masa tanpa notis terlebih dahulu.
Such disqualification may be exercised at any time without prior notice.

DATA PERIBADI / PERSONAL DATA

29. Dengan menyertai Kempen ini, Pelanggan yang Layak dengan ini bersetuju memberikan keizinan kepada BSN dan/atau sekutu berkenaan dengannya dan/atau pihak ketiga yang dilantik oleh BSN, sekiranya ada, dan membenarkan butir-butir peribadi mereka termasuk tetapi tidak terhad kepada data peribadi dan butiran penyertaan seperti yang diberikan kepada BSN untuk tujuan Kempen ini dikumpulkan, direkodkan, diproses dan digunakan oleh BSN dan/atau pihak ketiga yang dilantik oleh BSN, sekiranya ada:
By participating in this Campaign, the Eligible Customers hereby voluntarily gives express consent to BSN and/or its affiliates and/or third party service providers engaged by BSN, if any, and consent to their personal details including without limitation to, the personal data and participation details as provided to BSN for the purposes of this Campaign being collected, recorded, processed and used by BSN and/or third party service providers engaged by BSN, if any,:
- a) Untuk tujuan Kempen ini selaras dengan Polisi Privasi BSN, yang boleh didapati di Laman Sesawang BSN; atau
for the purposes of this Campaign in accordance with BSN's Privacy Notice, which may be viewed on BSN's Website; or
 - b) Untuk mematuhi undang-undang, peraturan, polisi dan garis panduan yang ditetapkan oleh Kerajaan Malaysia dan badan penyelia; atau
To comply with laws, rules, regulations, policies and guidelines imposed by the Government of Malaysia or regulatory authority; or
 - c) Untuk mematuhi perintah atau arahan Mahkamah; atau
To comply with a Court order or direction; or
 - d) Untuk mengesahkan status akaun Pelanggan yang Layak dengan mana-mana pihak ketiga (jika berkenaan); atau
To verify the Eligible Customer's account status with any third party (if relevant); or
 - e) Apabila diminta secara bertulis oleh Pelanggan yang Layak; atau
Where the Eligible Customers request in writing; or
 - f) Untuk melindungi dan mempertahankan BSN dan/atau aset BSN.
To protect and defend BSN and/or BSN's asset.
30. Sekiranya terdapat sebarang percanggahan antara Terma dan Syarat di sini dengan Polisi Privasi BSN, Polisi Privasi BSN akan diguna pakai.
In the event of any inconsistency between this Terms and Conditions with BSN's Privacy Policy, BSN's Privacy Policy shall prevail.
31. Pelanggan yang Layak memberi kuasa kepada BSN untuk mendapatkan sebarang maklumat daripada mana-mana pihak, organisasi, pihak berkuasa, syarikat, korporat atau mana-mana entiti lain yang BSN anggap bersesuaian berkaitan dengan akaun



TERMA DAN SYARAT KEMPEN GABUNGAN BSN TERM DEPOSIT-i (BSN TD-i) DENGAN BSN SSP
TERMS AND CONDITIONS BSN TERM DEPOSIT-i (BSN TD-i) BUNDLE WITH BSN SSP CAMPAIGN

Pelanggan yang Layak atau perkhidmatan perbankan dan membenarkan pendedahan tersebut oleh pihak tersebut, jika berkaitan.

The Eligible Customers hereby authorises BSN to procure any information from any party, organisation, authority, company, corporate or any other entity as BSN deem fit in connection with the Eligible Customer's account or banking services and authorises such disclosure by such person, if relevant.

32. Pelanggan yang Layak mempunyai hak pada bila-bila masa untuk:

Eligible Customers have the right at any time to:

- a) Menarik balik kebenaran yang diberikan untuk menggunakan data peribadi; dan
Withdraw their consent for the use of personal data; and
- b) Meminta apa-apa pembetulan dilakukan / mengemaskini data peribadi; dan
Request for any correction / update of personal data; and
- c) Bertanyakan sebarang pertanyaan mengenai penggunaan data peribadi.
Raise any questions regarding the use of personal data

Dengan menghubungi BSN sepertimana dinyatakan dalam Polisi Privasi BSN.

By contacting BSN as stipulated in BSN's Privacy Policy.

33. Pelanggan yang Layak bersetuju penarikan balik kebenaran untuk menggunakan Data Peribadi mungkin menjejaskan perkhidmatan yang disediakan oleh BSN atau penyertaan Kempen ini dan oleh itu BSN mempunyai hak untuk menghentikan perkhidmatan BSN atau penyertaan Kempen ini oleh Pelanggan yang Layak yang dikaitkan dengan Data Peribadi tersebut dengan memberikan notis kepada Pelanggan yang Layak.

The Eligible Customers agree that the withdrawal of permission to use Personal Data may affect the services provided by BSN or participation in this Campaign and therefore BSN has the right to discontinue BSN services or the Eligible Customers' participation in this Campaign associated with such Personal Data by giving notice to the Eligible Customers.

TERMA & SYARAT AM / GENERAL TERMS & CONDITIONS

34. Dengan menyertai Kempen ini, Pelanggan yang Layak dianggap telah bersetuju:

By participating in this Campaign, all Eligible Customer deemed to have agreed:

- a) Untuk terikat dengan Terma dan Syarat di sini, Terma dan Syarat bagi Term Deposit Islamik, Terma dan Syarat BSN SSP (Sijil Simpanan Premium), Terma dan Syarat Kempen BSN SSP, dan lain-lain terma dan syarat yang ditetapkan oleh BSN dari semasa ke semasa termasuk apa-apa pindaan; dan
To be bound by the Terms and Conditions herein, Terms and Conditions of Islamic Term Deposit, Terms and Conditions of BSN SSP (Sijil Simpanan Premium), Terms and Conditions of BSN SSP Campaign and any other terms and conditions stipulated by BSN from time to time including any amendment thereto; and
- b) Untuk mengakses Laman Sesawang BSN dan/atau mana-mana halaman media sosial rasmi BSN dari semasa ke semasa untuk memastikan Pelanggan yang Layak sentiasa mengikuti apa-apa perubahan atau pindaan yang dibuat kepada Terma dan Syarat.



**TERMA DAN SYARAT KEMPEN GABUNGAN BSN TERM
DEPOSIT-i (BSN TD-i) DENGAN BSN SSP
TERMS AND CONDITIONS BSN TERM DEPOSIT-i (BSN TD-i) BUNDLE
WITH BSN SSP CAMPAIGN**

To access to BSN's Website and/or any of BSN's official social media page on regular basis to ensure that the Eligible Customer is updated with any change or variation made to the Terms and Conditions.

35. Semua keputusan yang dikeluarkan BSN berkaitan Kempen ini adalah muktamad, terikat ke atas semua Pelanggan yang Layak, konklusif dan tidak boleh dipertikaikan. Sebarang surat menyurat, rayuan dan/atau percubaan untuk mempertikaikannya tidak akan dilayan.

All BSN's decisions relating to the Campaign is final, binding on all Eligible Customer, conclusive and undisputable. No further correspondence and/or appeal to dispute the same will be entertained.

36. Dengan menyertai Kempen ini, Pelanggan yang Layak memberi kebenaran kepada BSN untuk menerbitkan atau memaparkan nama, gambar atau lain-lain maklumatnya untuk tujuan pengiklanan dan promosi semasa dan akan datang dalam apa-apa cara yang difikirkan sesuai oleh BSN dan/atau penyedia perkhidmatan yang diberikuasa oleh BSN. Pelanggan yang Layak tidak berhak untuk menuntut pemilikan atau lain-lain bentuk ganti rugi ke atas butiran yang dipaparkan atau dipamerkan tersebut.

By participating in this Campaign, the Eligible Customer(s) consents to BSN the right to publish or display their name, picture or any other information for current and future advertising and promotional purposes in any manner that BSN and/or its authorized service providers deems appropriate. The Eligible Customer(s) are not entitled to claim for the ownership or any other type of compensation on such details that are published or advertised.

37. Dalam semua keadaan, BSN tidak akan bertanggungjawab dan/atau bertanggung terhadap sebarang kerugian atau kerosakan (termasuk tetapi tidak terhad kepada kehilangan pendapatan, keuntungan atau nama baik, secara langsung atau tidak langsung, sampingan, berbangkit, teladan, punitif atau ganti rugi khas mana-mana pihak termasuk pihak ketiga) yang timbul sama ada dalam kontrak, kecuaiian atau sebaliknya, berkaitan dengan Kempen.

In all circumstances, BSN shall not be held responsible and/or liable for any loss or damages (including without limitation to loss of income, profits or goodwill, direct or indirect, incidental, consequential, exemplary, punitive or special damages of any party including third parties) howsoever arising whether in contract, negligence or otherwise, in connection with the Campaign.

38. BSN tidak akan bertanggungjawab dan/atau bertanggung dan juga tidak menerima sebarang liabiliti dalam apa-apa bentuk dan bagaimana sekalipun timbul atau dialami oleh Pelanggan yang Layak yang diakibatkan secara langsung atau tidak langsung dalam menyertai Kempen ini atau sebaliknya. BSN tidak akan bertanggungjawab terhadap apa-apa kemungkiran obligasi di bawah Kempen ini disebabkan oleh kejadian *force majeure* yang termasuk tetapi tidak terhad kepada bencana alam, pandemik dan/atau epidemik peperangan, rusuhan, sekat masuk, tindakan perindustrian, kebakaran, banjir, kemarau, ribut atau sebarang kejadian di luar kawalan munasabah BSN.

BSN shall not be held responsible and/or liable nor shall it accept any form of liability in whatsoever nature and howsoever arising or suffered by Eligible Customer resulting, directly or indirectly, from participation in the Campaign or otherwise. Furthermore, BSN shall not be held liable for any default of its obligation under the Campaign due to any force majeure event which



TERMA DAN SYARAT KEMPEN GABUNGAN BSN TERM DEPOSIT-i (BSN TD-i) DENGAN BSN SSP
TERMS AND CONDITIONS BSN TERM DEPOSIT-i (BSN TD-i) BUNDLE WITH BSN SSP CAMPAIGN

includes but not limited to act of God, pandemic and/or epidemic, war, riot, lockout, industrial action, fire, flood, drought, storm or any event beyond the reasonable control of BSN.

39. BSN berhak mengikut budi bicaranya untuk meminda, mengubah, membatalkan atau menambah mana-mana Terma dan Syarat ini, keseluruhan atau sebahagian, termasuk tidak terhad kepada Tempoh Kempen, tarikh permulaan dan tarikh tamat Tempoh Kempen, pada bila-bila masa dengan memberikan notis selama tujuh (7) hari dengan memaparkan pindaan, perubahan, pembatalan atau penambahan tersebut melalui maklumat di Laman Sesawang BSN dan/atau halaman media sosial rasmi BSN, melalui pos, media massa, paparan notis di cawangan BSN, melalui alat elektronik atau apa-apa kaedah komunikasi yang BSN fikirkan sesuai. Sebarang pindaan, perubahan, pembatalan atau penambahan kepada Terma dan Syarat ini akan mengikat Pelanggan yang Layak. BSN tidak akan bertanggungjawab atau menerima sebarang liabiliti yang ditanggung oleh Pelanggan yang Layak secara langsung atau tidak langsung yang disebabkan oleh perubahan ini.

BSN reserves the right at its discretion to amend, vary, delete or add to any of these Terms and Conditions, in whole or in part, including but not limited to the Campaign Period, commencement and end date of the Campaign, at any time by giving a seven (7) day notice prior to such amendment, variation, deletion or addition by posting at BSN's Website and/or BSN official social media page, by post, by notification in the mass media, by posting the notice in BSN's branches or by electronic transmission or any other method of communication that BSN think appropriate. Any amendment, variation, deletion or addition to the Terms and Conditions herein shall be binding on the Eligible Customer(s). BSN will not be responsible for or accept any liability incurred by the Eligible Customer(s), directly or indirectly, caused by the changes.

40. Sebarang pindaan, perubahan, pembatalan atau penambahan kepada Terma dan Syarat ini akan mengikat Pelanggan yang Layak dan dianggap sebagai telah dibawa ke perhatian dan pengetahuan semua Pelanggan yang Layak melalui paparan di cawangan BSN atau melalui notis yang dihantar oleh BSN atau pengiklanan di halaman media sosial rasmi BSN atau mana-mana medium lain yang difikirkan sesuai oleh BSN.

Any amendment, variation, deletion or addition to the Terms and Conditions herein shall be binding on the Eligible Customer(s) and be deemed to be brought to the Eligible Customer(s)' attention and knowledge by its display at BSN's branches or by notice being sent by BSN or by advertisement at BSN's official social media page or BSN Website or by any other mode which BSN deems fit.

41. Sekiranya terdapat percanggahan antara Terma dan Syarat Kempen ini dengan bahan pengiklanan, promosi, publisiti dan bahan-bahan lain berkaitan atau bersabit dengan Kempen ini, maka Terma dan Syarat ini akan terpakai. Sebarang perkara mengenai Kempen yang tidak dinyatakan di dalam Terma dan Syarat adalah tertakluk kepada budi bicara pihak BSN.

In the event of any inconsistency between the Terms and Conditions and any advertising, promotional, publicity and other materials relating to or in connection with the Campaign, then these Terms and Conditions shall prevail. Any matter with regards to the Campaign which is not covered in these Terms and Conditions is subject to BSN's discretion.

42. Semua bahan berkaitan Kempen termasuk tetapi tidak terhad kepada reka bentuk, logo, kandungan promosi dan bahan cetakan adalah hak milik BSN dan tidak boleh digunakan



**TERMA DAN SYARAT KEMPEN GABUNGAN BSN TERM
DEPOSIT-i (BSN TD-i) DENGAN BSN SSP
TERMS AND CONDITIONS BSN TERM DEPOSIT-i (BSN TD-i) BUNDLE
WITH BSN SSP CAMPAIGN**

tanpa kebenaran bertulis daripada BSN.

All materials related to the Campaign including but not limited to designs, logos, promotional content and printed materials are the intellectual property of BSN and shall not be used without prior written consent from BSN.

43. Terma dan Syarat ini adalah tertakluk kepada dan ditafsir selaras dengan undang-undang Malaysia dan tertakluk kepada bidang kuasa eksklusif Mahkamah Malaya.
These Terms and Conditions shall be subject to and construed in accordance by the laws of Malaysia and subject to the exclusive jurisdiction of the Courts of Malaya.
44. Untuk maklumat dan pertanyaan lanjut berhubung Kempen ini, sila hubungi BSN di 03-2613 1900.
For more information and query relating to the Campaign, please contact BSN at 03-2613 1900.

**- TERMA DAN SYARAT KEMPEN TAMAT -
- END OF CAMPAIGN TERMS AND CONDITIONS -**